

PENGUASAAN BAHASA MELAYU PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT: ANALISIS UNGKAPAN INDAH DALAM PENULISAN KARANGAN

(MALAY LANGUAGE MASTERY GIFTED AND TALENTED STUDENTS: STUDENTS' EXPRESSIONS IN THE ESSAY WRITINGS)

Mariati binti Mokhtar¹
Mazliza binti Mohtar²

Abstract: *This paper presents the findings of the Malay language writing study amongst the gifted and talented students in Malaysia. These 'Gifted and Talented' students are selected based on their high IQ and EQ. This paper looks at the mastery of the Malay language which focuses more on the aspects of selecting the students' expressions in the essay writings. The exquisite aspects of expression that will be seen are proverbial, pantun, motto, interesting phrases, utterances, words of wisdom, hadith quotations, interesting vocabularies, intentions of Quranic verses and so forth. This study will use data of 60 samples of manuscripts written by students of Level Two, students aged 16 and 17 years old. The findings show that 80 percent of students have extensive knowledge in vocabulary selection, providing examples of interesting expressions and have the advantage of mastering the way they answer the essay questions.*

Keywords: *gifted and talented, writing style, essays*

Abstrak : *Makalah ini membentangkan dapatan kajian penulisan karangan bahasa Melayu pelajar pintar dan berbakat di Malaysia. Anak-anak pintar dan berbakat ini atau dalam istilah lainnya digelar sebagai 'Gifted and Talented' adalah pelajar terpilih berdasarkan IQ dan EQ mereka yang tinggi. Makalah ini melihat penguasaan bahasa Melayu pelajar pintar dan berbakat ini, yang mana lebih memfokuskan aspek pemilihan ungkapan indah pelajar dalam sampel jawapan bagi soalan karangan. Aspek ungkapan indah yang akan dilihat ialah peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang menarik, maksud ayat Al-Quran dan sebagainya. Kajian ini akan menggunakan data sebanyak 60 sampel manuskrip jawapan karangan pelajar Tahap Dua iaitu pelajar yang berusia 16 dan 17 tahun. Hasil dapatan kajian mendapati 80 peratus pelajar pintar dan berbakat mempunyai pengetahuan yang luas dalam pemilihan kosa kata, memberikan contoh ungkapan indah yang menarik dan mempunyai kelebihan dalam menguasai cara menjawab soalan karangan.*

Keywords: *pintar cerdas, ungkapan indah, karangan*

2018 JGBSE

¹ Guru DG41, Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.
Tel: 03-89217566. E-mail: mariatimokhtar@ukm.edu.my.

²Guru DG41, Pusat PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.
Tel: 03-89217566. E-mail: mazlizamohtar80@ukm.edu.my

Pengenalan

Bahasa merupakan aset manusia yang paling berharga dalam mengekalkan kemanusiaan itu sendiri. Melalui bahasalah, segala bentuk peradanan dan ilmu pengetahuan disampaikan daripada satu generasi ke satu generasi sejak zaman berzaman. (Hamid, Z., 2015). Menurutnya lagi, bahasa itu terdiri daripada dua komponen pengetahuan, iaitu tatabahasa dan kecekapan berbahasa. Tatabahasa merujuk kepada peraturan-peraturan yang diguna pakai dalam menyusun pelbagai unsur dalam sesuai bahasa bersesuaian dengan kaedah penyusunan secara sistematik atau secara mendatar dan kecekapan berbahasa pula merujuk kebolehan para pengguna bahasa untuk memilih dan menggunakan unsur-unsur yang terkandung dalam sesuatu bahasa secara wajar bersesuaian dengan keperihalan keadaan bagi memungkinkan pelbagai tujuan komunikasi mendapat kesan yang diharap-harapkan. Kedua-dua aspek ini merupakan aspek penting yang perlu ada pada mana-mana penutur bahasa, lebih-lebih lagi penutur bahasa rasmi sesebuah negara. Setiap negara di dunia mempunyai sebuah bahasa rasmi yang menjadi bahasa perhubungan sehari-hari, misalnya sebagai bahasa surat-menyurat rasmi, dalam perbincangan Parlimen dan Dewan Negara dan sebagainya (Karim, N., S., et. al, 2012).

Pelbagai usaha dilakukan bagi pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Pelaksanaan ini dilihat dalam dua aspek. Aspek pertama melalui penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pelajaran negara. Aspek kedua pula merupakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran kerajaan. Dalam menjayakan usaha ini, bahasa Melayu diberikan tempat sebagai pengantar ilmu pengetahuan supaya dapat berkembang menjadi bahasa yang mampu menjadi asas dalam pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat. (Ayob. A., 2009). Justeru, kepentingan bahasa Melayu dapat dilihat bukan sahaja tertumpu kepada masyarakat yang luas, tetapi dari golongan yang kecil. Disebabkan itu bagi subjek bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pelajar sekurang-kurangnya perlu mendapat kredit dalam subjek tersebut. Hal ini kerana, pelajar tidak akan mendapat sijil SPM mereka jika pelajar tidak lulus subjek tersebut. Pernyataan disokong dengan petikan akhbar *Utusan Online* (2009) iaitu kerajaan bersedia pada masa hadapan untuk mewajibkan pelajar lulus di peringkat kredit bagi subjek Bahasa Melayu sebagai syarat layak memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata pertimbangan itu dibuat selepas kajian mendapati pelajar bukan Melayu dan Melayu gagal menguasai bahasa kebangsaan itu dengan baik terutamanya dalam penulisan.

Pelajar Pintar dan berbakat dan Pusat PERMATApintar® Negara

Kamus Dewan (2007) mentakrifkan pintar sebagai cekap, pandai, banyak akal, cerdik, licin, mahir dalam membuat sesuatu pekerjaan. Majid, A., R, Ishak, M., N., & Yunus, M., M (2009), pintar atau *smart* merujuk kepada sesuatu tingkah laku yang bijak dan cerdik sifatnya. Tingkahlaku itu membuktikan kecekapan berfikir si pelakunya. Individu ini menurut Rosadah lagi, juga dikatakan mempunyai kecerdasan. Kecerdasan ini boleh dikatakan sebagai kemampuan seseorang untuk menaakul, menyelesaikan masalah, menggunakan bahasa dan mempelajari sesuatu. Terdapat beberapa kajian yang dilakukan terhadap kanak-kanak pintar

dan berbakat ini. Antaranya ialah kanak-kanak pintar dan berbakat ini mempunyai keupayaan yang lebih dalam beberapa aspek seperti keupayaan kognitif atau kesenian berbanding dengan rakan sebaya mereka (Yamat, H., et.al) (2009). Kanak-kanak pintar dan berbakat juga mempunyai kemampuan linguistik. Hal ini meliputi pemikiran yang logikal, analitikal dan tersusun. Pelajar pintar dan berbakat juga dikatakan minat kepada permainan bahasa, menulis dan bercakap. Mereka juga sensitif terhadap susunan serta kehalusan berbahasa, mempunyai perbendaharaan kata yang banyak, pandai dalam ejaan, boleh menghafal dan mempelajari bahasa asing. Pusat PERMATApintar® Negara merupakan pusat pengumpulan pelajar pintar dan berbakat ini di Malaysia.

Pusat PERMATApintar® Negara ini dinaungi oleh isteri Perdana Menteri YBhg. Dato' Seri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak iaitu Datin Seri Paduka Rosmah Mansor. Kerja-kerja asas mengumpul maklumat dan meninjau program pelajar pintar dan berbakat luar negara telah dilakukan sendiri oleh Datin Seri Paduka Rosmah Mansor dan dibantu oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Sharifah Habsah Syed Shahabuddin (yang merupakan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada masa itu. YBhg. Datin Seri Datin Seri Paduka Rosmah Mansor dan YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Sharifah Habsah Syed Shahabuddin serta beberapa pegawai UKM telah melawat beberapa tempat untuk mendapatkan gambaran lebih lanjut tentang bagaimana pendidikan pelajar pintar dan berbakat dijalankan di luar negara. Antaranya ialah Universiti Mahidol di Thailand, High School for Math and Science di National Universiti Singapore, Beijing Number 8 High School Beijing, Centre for Talented Youth, John Hopkins University dan beberapa institusi pintar dan berbakat lain. Kesenambungan daripada lawatan tersebut, satu kertas kerja mengenai penubuhan Pusat PERMATApintar® Negara telah ditulis dan dibentangkan oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Sharifah Habsah Syed Shahabuddin kepada YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak (yang merupakan Timbalan Perdana Menteri ketika itu).

Pusat PERMATApintar® Negara kini tertubuhnya dengan beberapa unit di yang mana salah satunya iaitu Kolej PERMATApintar iaitu projek sekolah PERMATApintar untuk pelajar berusia 13 hingga 17 tahun. (Ishak, M., N., et.al) (2009). Menurutny lagi, projek Sekolah PERMATApintar UKM telah bermula pada Januari 2011. Sekolah ini dianggap sebagai satu makmal pengajaran dan pembelajaran pelajar pintar dan berbakat di mana kaedah pengajarannya lebih tertumpu kepada pembelajaran berbentuk 'differentiated learning'. Pelajar-pelajar belajar mengikut kemampuan diri sendiri dengan dibantu oleh guru pakar yang memang mahir dalam setiap bidang yang diajar. Prof. Datuk Dr. Noriah Mohd Ishak merupakan individu merangkap Pengarah yang ditugaskan untuk mentadbir Pusat PERMATApintar® Negara ini dari tahun 2011 hingga kini.

Kajian Tahap Penguasaan Bahasa Sekolah Menengah

Kajian mengenai penguasaan pernah dilakukan oleh Jalaluddin, H., N., et. al (2008), yang melihat penguasaan bahasa Inggeris pelajar seramai 315 pelajar tingkatan dua. Dapatan kajian menemui kelemahan ketara yang dilakukan pelajar ialah pada bahagian tatabahasa, khususnya pada aspek morfologi dan sintaksis. Analisis mendapati seramai 60 peratus kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Kelemahan ini berlaku kerana terdapat perbezaan antara struktur tatabahasa dan sintaksis antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang mengakibatkan pelajar keliru. Misalnya, morfologi bahasa Inggeris mempunyai struktur

tatabahasa adverba dan plural yang membuatkan pelajar sukar menguasai konsep tatabahasa ini. Manakala dari sudut sintaksis, perbezaan dapat dilihat dari konteks kata ganti nama, subjek dan kata kerja yang berbeza dan sebagainya. Selain faktor linguistik, yang menjadikan penguasaan bahasa persekitaran sosial seperti sikap terhadap bahasa dan persekitaran yang tidak menggalakkan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris telah memburukkan lagi usaha untuk menguasai bahasa Inggeris.

Kajian seterusnya melalui Awal, M., N., Bakar, A., N. & Jalaluddin, N (2010) telah melihat penguasaan bahasa Melayu dari segi analisis pengungkapan idea dalam penulisan karangan dalam kalangan 300 pelajar sekolah menengah biasa berdasarkan lima kawasan iaitu Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Pengungkapan idea yang dilihat adalah merangkumi peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang menarik, maksud ayat Al-Quran dan sebagainya. Norsimah dalam kajiannya, mendapati pencapaian pelajar atau penggunaan ungkapan indah dalam kalangan pelajar ialah sebanyak 62 peratus. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pencapaian pelajar sekolah menengah bagi kawasan yang dikaji adalah di bawah tahap sederhana.

Seterusnya, kajian mengenai penguasaan bahasa telah dilakukan oleh Jalaluddin, H., N. & Nopiah, J (2011). Kajian yang dilakukan oleh mereka adalah mengenai penguasaan tatabahasa remaja Malaysia dan menganalisis dari kerangka pragmatik. Kajian mereka melihat pelajar sekolah menengah berdasarkan empat zon iaitu zon tengah (Negeri Sembilan), zon timur (Kelantan) dan zon utara (Kedah). Responden dikehendaki menjawab soal selidik dan menjawab ujian bertulis yang disediakan. Responden perlu membuat ayat daripada perkataan 'bermuka-muka', 'terkemukakan', serta mengaplikasi peribahasa 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'. Kajian ini menemukan analisis bahawa responden hanya mempunyai tahap penguasaan pragmatik sebanyak 50 ke 69 peratus sahaja. Kajian ini juga membuktikan bahawa penguasaan pragmatik pelajar sekolah menengah masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Kajian ini bagaimanapun melihat analisis tahap penguasaan bahasa pelajar sekolah menengah yang diklasifikasikan sebagai pelajar pintar cerdas. Kajian ini melihat sama ada terdapat perbezaan dalam dapatan kajian atau tidak.

Komponen Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk Mata Pelajaran Bahasa Malaysia untuk Kertas 1

Kehendak soalan bagi subjek Bahasa Malaysia untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), terdiri daripada tiga kertas, iaitu Kertas 1 (1103/1), Kertas 2 (1103/2) dan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) (1103/3). Kertas 1 menumpukan kepada kaedah penulisan karangan pelajar iaitu Bahagian A merangkumi soalan karangan bahan rangsangan dan soalan Bahagian B pula Karangan Umum. Bahagian A ialah karangan berdasarkan bahan rangsangan, yakni pelajar diminta menulis karangan yang jumlahnya 200 hingga 250 patah perkataan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Manakala, bentuk karangan pada Bahagian B terdiri daripada karangan berformat, karangan penghuraian dan pendapat, dan karangan berunsur sastera/cereka. Pada bahagian B ini, pelajar diminta menulis sebuah karangan umum yang melebihi 350 patah perkataan.

Metodologi

Kajian ini melibatkan seramai 60 pelajar tingkatan lima daripada Kolej PERMATApintar, Pusat PERMATApintar® Negara. Sampel jawapan para responden diambil daripada soalan peperiksaan pelajar yang lepas. Kajian ini menumpukan kepada Kertas 1 iaitu Bahagian B iaitu pada bahagian komponen karangan respon terbuka. Antara yang akan dilihat dalam kertas jawapan pelajar ialah penggunaan gaya bahasa merangkumi keindahan, ungkapan indah dan peribahasa dalam penulisan pelajar. Soalan karangan respons terbuka ini telah ditanda oleh guru bahasa Melayu mengikut skema jawapan berdasarkan piawan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Penandaan kertas jawapan penulisan ditanda secara holistik oleh guru-guru mengikut skema jawapan yang dibincangkan.

Dapatan Analisis Kajian

Analisis kajian daripada 60 manuskrip pelajar untuk bahagian Kertas 1 iaitu bahagian B mendapati pelajar menguasai sebanyak 80 peratus. Dalam bahagian paparan data ini, penelitian akan dibuat berdasarkan kaum yang berbeza iaitu kaum Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah/Sarawak dan pelajar Orang Asli (OA). Pencapaian penulisan karangan seseorang pelajar dilihat dari aspek a) kesalahan ejaan b) struktur ayat dalam esei c) penggunaan dialek d) kejelasan idea e) kematangan idea f) kerelevanan idea dan g) ungkapan menarik. Mengikut skema permarkahan, penggunaan ungkapan-ungkapan menarik dalam karangan adalah salah satu penanda yang menunjukkan karangan tersebut dikategorikan sebagai karangan yang cemerlang. Awal, M., N., Bakar, A., N. & Jalaluddin, N (2010). Oleh itu, kertas kerja ini akan memfokus dan meneliti aspek ungkapan menarik pelajar dalam karangan. Jadual 1 menunjukkan jumlah peratusan pelajar dalam menggunakan ungkapan indah dalam karangan mereka.

BIL	KAUM	PERATUS UNGKAPAN INDAH DALAM KARANGAN
1	MELAYU	56.68
2	CINA	15
3	INDIA	3.33
4	BUMIPUTERA SABAH/SARAWAK	3.33
5	ORANG ASLI	1.66
	JUMLAH PERATUS	80

Jadual 1: *Jadual peratusan ungkapan menarik pelajar dalam karangan dalam kalangan pintar cerdas dan berbakat*

Keputusan mencatatkan seramai 80% pelajar menyertakan ungkapan indah dalam penulisan karangan mereka.

Setelah diteliti, berikut merupakan senarai ungkapan menarik yang digunakan pelajar pintar cerdas dalam karangan mereka. Ungkapan menarik boleh dikategorikan sebagai peribahasa,

cogan kata, hadis, pantun dan sebagainya. Antara sampel jawapan ungkapan menarik yang ditemui bagi kategori peribahasa dan cogan kata ialah:

... *Melentur Buluh Biarlah dari Rebungnya...*
...*Membaca Jambatan Ilmu...*
...*Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung Manakan Dapat Sagunya...*
...*Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara...*
...*Jika Tidak dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya...*

Manakala ungkapan indah dalam bentuk petikan hadis yang ditemui dalam penulisan karangan pelajar ialah:

“Tidak beriman seorang daripada kamu sehingga kamu mengasihi saudaranya sepertimana kamu mengasihi diri kamu sendiri”
“Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia”
“Anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkanya”

Manakala ungkapan indah dalam bentuk kosa kata menarik yang ditemui dalam penulisan karangan pelajar ialah:

“... Tidak beriman seorang daripada kamu sehingga kamu mengasihi saudaranya sepertimana kamu mengasihi diri kamu sendiri”
“Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia”
“Anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkanya”

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa pelajar pintar dan cerdas berupaya menggunakan ungkapan indah dalam penulisan karangan mereka. Hal ini dalam setiap manuskrip pelajar penggunaan ungkapan indah yang dapat dikenalpasti. Kebolehan penulisan karangan dalam kalangan pelajar pintar dan cerdas di Malaysia ini mempunyai faktor-faktor yang tertentu. Antaranya sikap gemar membaca, mempunyai pengetahuan yang luas dalam kosa kata, dan sebagainya. Hal ini demikian merujuk kepada definisi pelajar pintar cerdas dan berbakat itu sendiri yang mana mereka mempunyai asas yang tinggi dalam kemahiran linguistik dan penguasaan bahasa. Kajian mengenai penguasaan bahasa pelajar ini menjadi satu titik pemula dan pedoman kepada guru-guru bahasa Melayu kepada golongan pelajar pintar cerdas dan berbakat ini agar dapat dapat memikirkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan beraras tinggi. Kaedah pembelajaran yang kreatif dan pelbagai akan membuatkan pelajar akan lebih seronok dalam mempelajari subjek yang mencabar pengetahuan dan aras mereka. Selari dengan definisi Hamidah Mamat Yamat, H., Alias, A., & Aziz, A. (2010) pelajar pintar cerdas dan berbakat ini adalah golongan yang suka mencabar diri dalam mempelajari sesuatu bahasa. Malahan, generasi pelajar pada masa kini juga merupakan generasi baharu yang mana pengetahuan mereka lebih terkedepan berbanding generasi pelajar terdahulu. Keupayaan pelajar dalam kelas perlu dikembangkan melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa yang lebih mencabar. Antara prakarsa yang boleh dijalankan oleh guru-guru ialah menggunakan pendekatan kepelbagaian pengajaran (*differentiated instruction*) di dalam kelas.

References

- Alias, A., & Yamat, H., (2009). Ciri Kanak-Kanak Pintar Cerdas. Dlm. Noriah Mohd Ishak et. al (pnyt). *PERMATApintar: Pengalaman UKM*, hlm. 33-44. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. (2009). BM juga bakal diwajibkan lulus peringkat kredit. *Utusan Online*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0620&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm. [9 September 2017].
- Awal, M., N., Bakar, A., N. & Jalaluddin, N. (2010). Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah: Analisis Pengungkapan Idea dalam Penulisan Karangan. *Jurnal Linguistik*. 10 (Edisi Khas): 83-95. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/25096/6.pdf. [10 September 2017]
- Ayob, A.(2009). Bahasa Kebangsaan. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Hamid, Z. (pnyt). (2015). *Linguistik Melayu*. Edisi Ketiga. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2007). Ed. Ke- 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak, M., N., Majid, A., R., & Ariffin. R., H. (2009). Sejarah dan Konsep PERMATApintar. Dlm. Noriah Mohd Ishak et. al (pnyt). *PERMATApintar: Pengalaman UKM*, hlm. 1-18. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, H., N. & Nopiah, J. (2011). Penguasaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. 11 (1): 63-82. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=70535> [10 September 2017]
- Jalaluddin, N., Awal, M., N., & Bakar, A., K. (2008). The Mastery of English Language among Lower Secondary School Students in Malaysia: A Linguistic Analysis. *European Journal of Social Sciences*. 7 (2): 106-119. http://www.teo-education.com/teophotos/albums/userpics/ejss_7_2_09.pd. [10 September 2017]
- Karim, N., S., Farid, M., O., Musa, H. & Mahmood, A., H. (2012). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, A., R, Ishak, M., N., & Yunus, M., M. (2009). Kepintaran dan Pintar Berbakat: Definisi dan Makna. Dlm. Noriah Mohd Ishak et. al (pnyt). *PERMATApintar: Pengalaman UKM*, hlm. 19-32. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yamat, H., Alias, A., & Aziz, A. (2009). Bahasa dan Pengajaran Bahasa bagi Kanak-Kanak Pintar Cerdas. Dlm. Noriah Mohd Ishak et. al (pnyt). *PERMATApintar: Pengalaman UKM*, hlm. 145-154. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

**sub chapter maybe different, depend on your article content.